

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN WONG SHU QI [ KLUANG ]**

**TARIKH : 15 SEPTEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**PUAN WONG SHU QI [KLUANG]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan senarai sistem ICT yang pernah diguna, sedang diguna dan bakal diguna oleh pihak PERKESO serta jumlah kos pembangunan sistem ICT tersebut.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

PERKESO sentiasa komited untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggannya. Selaras dengan kehendak pelanggan, sistem penyampaian perkhidmatan juga perlu ditingkatkan agar perkhidmatan yang diberikan lebih cepat, tepat dan efisien.

Untuk makluman Yang Berhormat, Sistem ICT PERKESO ditambahbaik dari masa ke masa dan berikut merupakan senarai **Sistem ICT Teras** yang sedang digunakan bagi meningkatkan kualiti sistem perkhidmatan PERKESO:

- i. **Sistem SIKAP** yang berfungsi sebagai sistem maklumat Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969, Akta 4 bagi pengurusan pendaftaran, pemprosesan dan pembayaran pertama faedah yang melibatkan **kos pembangunan sebanyak RM15.7 juta.**
- ii. **Sistem Perakaunan SAGA (Standard Accounting Governing Agencies) PERKESO** yang merupakan sistem perakaunan di PERKESO yang melibatkan kos menaik taraf SAGA versi 8.0 berjumlah **RM823,422.46.**
- iii. **Sistem ASSIST** merupakan sistem maklumat Akta 4 bagi pendaftaran majikan & pekerja, kutipan bayaran caruman majikan dan rekod pekerja dengan **kos pembangunan sebanyak RM205 juta.**
- iv. **Sistem SIP** yang merupakan sistem maklumat Akta 800 untuk pendaftaran majikan dan pekerja, kutipan bayaran caruman majikan dan rekod pekerja serta pemprosesan dan pembayaran faedah yang melibatkan **kos pembangunan sebanyak RM91.5 juta.**

## SOALAN NO : 60

- v. **Sistem SPS** yang merupakan sistem maklumat Akta 789 bagi pendaftaran dan bayaran caruman dengan **kos pembangunan sebanyak RM4.8 juta**.
- vi. **Portal MyFutureJobs** yang merupakan portal pekerjaan negara yang dibangunkan dengan **kos sebanyak RM30.09 juta**.

PERKESO juga pernah menggunakan **sistem PINTAR** yang merupakan sistem maklumat bagi pengurusan penguatkuasaan, pendaftaran, kutipan caruman majikan dan pekerja, faedah, *fraud* dan prestasi untuk Akta 4. Sistem ini melibatkan **kos pembangunan sebanyak RM110 juta**. Dalam perancangan semasa, tiada sistem ICT teras baharu bakal digunakan oleh PERKESO yang terlibat pembekal luar.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK WIRA DR. MOHD HATTA BIN  
MD. RAMLI [ LUMUT ]**

**TARIKH : 15 SEPTEMBER 2021 ( RABU )**

**SOALAN NO.61**

**DATUK WIRA DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berikutan wabak COVID-19 yang melanda seluruh dunia, adakah kerajaan bersedia untuk mewujudkan Kementerian Kesihatan Awam bagi memberikan tumpuan khusus kepada penyakit berjangkit yang memerlukan langkah-langkah kesihatan awam.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merupakan sebuah kementerian yang menjalankan pelbagai fungsi kesihatan dan perubatan seperti perkhidmatan kesihatan awam, hospital, klinik, makmal, farmasi, institut penyelidikan dan sebagainya secara bersepadu. Kesemua fungsi ini adalah penting bagi memastikan perkhidmatan kesihatan yang komprehensif dan holistik pada setiap masa dan bukan hanya semasa wabak.

2. Oleh yang demikian, berdasarkan struktur sedia ada dan fungsi kerja semasa, Kerajaan berpendapat bahawa tidak ada keperluan untuk mewujudkan sebuah kementerian yang berasingan. Kewujudan kementerian berasingan akan mengakibatkan pertindihan fungsi dan masalah logistik dan penggunaan sumber kesihatan yang tidak efisien. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. HASAN BIN BAHROM  
( TAMPIN )**

**TARIKH : 15 SEPTEMBER 2021 ( RABU )**

**SOALAN**

**DATUK DR. HASAN BIN BAHROM** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah terdapat kajian menyeluruh daripada Kementerian berhubung kait dengan masalah kesihatan mental, jiwa dan tekanan hidup masyarakat bandar dan luar bandar ketika pandemik. Apakah terdapat polisi dan tindakan bagi mengatasi masalah tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga kini Kementerian Kesihatan Malaysia telah melakukan 2 kajian dan pemantauan indikator berkaitan dengan isu dan permasalahan kesihatan mental di kalangan masyarakat. Kajian yang dilaksanakan ialah seperti berikut:

**(i) Kajian oleh Institut Perubahan Tingkahlaku Kesihatan (IPTK) Malaysia**

(a) Kajian yang dijalankan oleh Institut Perubahan Tingkahlaku (IPTK) Malaysia pada tahun 2020 mendapati bahawa 14.2% petugas barisan hadapan KKM mengalami gangguan

kesihatan mental yang teruk (*severe mental disorders*). Antara faktor yang didapati menyumbang kepada masalah ini antaranya adalah dari segi kekurangan sokongan penjagaan anak – anak di rumah semasa tempoh menjalankan tugas.

- (b) Mengambil kira impak kesihatan mental terhadap masyarakat Malaysia secara umum, KKM juga akan melaksanakan kajian yang lebih menyeluruh bagi melihat impak psikososial ke atas masyarakat Malaysia umumnya. Kajian ini dijangka akan dimulakan pada akhir bulan September 2021 secara atas talian.

**(ii) Kajian berdasarkan dapatan Talian Bantuan & Sokongan Psikososial**

Hasil analisis dapatan dari kumulatif panggilan yang diterima melalui Talian Bantuan & Sokongan Psikososial mendapati sebanyak 82.1% memerlukan sokongan emosi dan kaunseling yang melibatkan isu sosial seperti hilang pekerjaan, tiada sumber pendapatan, konflik keluarga, masalah hubungan interpersonal, stigma terhadap jangkitan, isolasi dan kurang akses kepada perkhidmatan bantuan sewaktu pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan.

- 2. Kementerian Kesihatan Malaysia telah merangka Pelan Strategik Kesihatan Mental Kebangsaan (2020 – 2025) yang menggariskan beberapa strategi dalam menangani isu kesihatan mental termasuk mempromosikan kesihatan mental terhadap semua lapisan masyarakat, memastikan penyediaan dan capaian perkhidmatan kesihatan mental yang komprehensif dan berkualiti, memperkukuhkan kesiapsiagaan perkhidmatan kesihatan mental semasa krisis dan bencana serta meningkatkan usaha kolaborasi bersama agensi yang berkaitan. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK SERI HAJI SALAHUDDIN BIN AYUB  
(PULAI)**

**TARIKH : 15 SEPTEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK SERI HAJI SALAHUDDIN BIN AYUB [ PULAI ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah status Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Pada 18 Julai 2019, RUU Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis (IPCMC) 2019 telah dibentangkan untuk bacaan kali pertama di Parlimen oleh mantan Menteri Undang-Undang di Jabatan Perdana Menteri. Walau bagaimanapun, susulan pertukaran Kerajaan pada 1 Mac 2020, Mesyuarat Jemaah Menteri (MJM) pada 1 April 2020 telah bersetuju supaya tanggungjawab RUU IPCMC diserahkan kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan dibentangkan semula di Parlimen setelah mendapat persetujuan Jemaah Menteri.

Susulan dari keputusan MJM tersebut, KDN melalui Jawatankuasa Teknikal telah menjalankan kajian terperinci bagi tujuan penggubalan RUU yang baharu bagi menggantikan RUU IPCMC. RUU yang baharu ini dinamakan semula sebagai RUU Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC). RUU IPCC telah dibuat bacaan kali pertama pada 26 Ogos 2020 di Dewan Rakyat. Namun bacaan kali kedua yang dijadualkan pada 27 Ogos

**SOALAN : 63**

2020 telah ditangguhkan dan akan dibaca di sidang Parlimen pada penggal ini.